

U B469 DEB
MAHATHIR - OYA (ULANGAN) R R R

IPOH, 3 JULAI (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMMAD MENYIFATKAN KEMENANGAN BARISAN NASIONAL (BN) DALAM PILIHAN RAYA KECIL NEGERI KAWASAN OYA DI SARAWAK SEBAGAI BUKTI JELAS SOKONGAN RAKYAT YANG BERTERUSAN KEPADA KERAJAAN SEKARANG.

KEMENANGAN ITU MENUNJUKKAN IA TIDAK BERGANTUNG KEPADA NASIB TETAPI ADALAH ATAS SOKONGAN PADU RAKYAT KEPADA PARTI PESAKA BUMIPUTERA BERSATU SARAWAK (PBB) KHUSUSNYA DAN BN PADA AMNYA, KATA PERDANA MENTERI YANG JUGA PENERUSI BN.

BELIAU MENYATAKAN RASA BANGGA ATAS KEJAYAAN CALON BN WAN MADZIHI MAHDZAR SERTA MENGUCAPKAN TAHNIAH KEPADA KETUA MENTERI SARAWAK DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD SELAKU PENERUSI BN SARAWAK.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA DEMIKIAN KETIKA DITEMUI OLEH PARA PEMBERITA DI BILIK HOTELNYA DI SINI PETANG INI SELEPAS MENGADAKAN PERTEMUAN TERTUTUP LEBIH SEJAM DENGAN PARA MENTERI BESAR DAN KETUA MENTERI YANG MENGHADIRI MESYUARAT KE-138 MAJLIS RAJA-RAJA.

DALAM PILIHAN RAYA KECIL YANG BERJALAN SELAMA DUA HARI MULAI SELASA LEPAS, WAN MADZIHI MENDAPAT 4,215 UNDI, MENEWASKAN CALON BEBAS DATUK HAJI BALLEH JAFFARUDDIN YANG MENDAPAT 2,460 UNDI. -- LAGI.

SILA KUTIP BERITA YANG TELAH DIHANTAR TERDAHULU .
2109MST 03 07 86

U 8462 DEB

MAHATHIR - OYA 2 IPOH

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, KEMENANGAN BN ITU JUGA HARUS DIJADIKAN PETUNJUK KEPADA PIHAK-PIHAK YANG MEMBUAT PELBAGAI TOHMAHAN TERHADAP KETUA MENTERI SARAWAK.

DAKWAAN YANG MENGATAKAN KONONNYA ADA PIHAK TERMASUK TIMBALAN PERDANA MENTERI ENCIK GHAFAR BABA MENYOKONG CALON BEBAS JUGA TERNYATA TIDAK BENAR, KATANYA LAGI.

+DIHARAPKAN INI AKAN DIAMBIL PERHATIAN OLEH PIHAK-PIHAK TERTENTU,+ UJAR PERDANA MENTERI.

DITANYA MENGENAI PERBINCANGAN BELIAU DENGAN PARA MENTERI BESAR DAN KETUA MENTERI PETANG INI, PERDANA MENTERI BERKATA, IA HANYALAH UNTUK MEMBUAT PENILAIAN MENGENAI KEDUDUKAN UMNO DAN BN DI TIAP-TIAP NEGERI.

KATANYA, PERBINCANGAN ITU TIDAK ADA KAITAN DENGAN MESYUARAT BIRO POLITIK UMNO SEPERTI RAMALAN AKHBAR.

SEMUA MENTERI BESAR DAN KETUA MENTERI HADIR PADA MESYUARAT TERSEBUT KECUALI DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB. -- LAGI.

2030MST 03 07 86

U 8463 DEB

MAHATHIR - OYA 3 IPOH

SEBELUM ITU, PRESIDEN GERAKAN DATUK DR LIM KHENG YAIK KETIKA DITEMUI MENYIFATKAN KEMENANGAN BN ITU MENUNJUKKAN KEPERCAYAAN PENUH RAKYAT KEPADA KEPIMPINAN DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB SEBAGAI PENERUSI BN SARAWAK.

BELIAU TURUT MENGUCAPKAN SYABAS KEPADA KETUA MENTERI ITU ATAS KEJAYAAN TERSEBUT.

MENTERI BESAR PERAK DATUK SERI RAMLI NGAH TALIB PULA MENYIFATKAN KEMENANGAN ITU MENCERMINKAN KEHENDAK RAKYAT KEPADA BN DAN BELIAU PERCAYA SOKONGAN YANG SERUPA AKAN DIBERIKAN SEMASA PILIHAN RAYA UMUM KELAK. -- BERNAMEA.

2032MST 03 07 86